

TAKHTA KERAJAAN

Negeri Sembilan



||
oleh:

Abdul Samad Idris

TAKHTA KERAJAAN

NEGRI SEMBILAN.



DI-KARANG, DI-SUSUN
DAN
DI-TERBITKAN



OLEH:

ABDUL SAMAD IDRIS,
(HAK PENGARANG TERPELIHARA)



DAFTAR ISI-NYA.

	Muka.
1. Asal nama Seri Menanti	... 5.
2. Negeri Sembilan Sa-belom beraja	... 11.
3. Kematian Dato' Penghulu Naam	... 15.
4. Asal Orang Empat Istana	... 18.
5. Asal Nama Negeri Sembilan	... 25.
6. Ganti Raja Melewar	... 28.
7. Perang dengan Dato' Kelana dan Inggeris	... 32.
8. Inggeris mula menchekam	... 40
9. Perjanjian Yam Tuan Seri Menanti dengan Undang Yang Empat dan Inggeris	... 46.
10. Peratoran menabalkan Yang di-Pertuan, N. S.	... 55.
11. Riwayat Tuanku Muhammad Shah	... 65.
12. Kemangkatan Tuanku Muhammad	... 68.
13. Riwayat rengkas almarhum Tuanku A. Rahman	... 76.
14. Yang Maha Mulia Tuanku Menawir	... 81.
15. Pergadohan ketika melantek Tengku Imam Janggot	86.
16. Peratoran menabalkan yang di-Pertuan Besar, N. Sembilan.	... 90.
17. T. Durah T. Ampuan Negeri Sembilan.	... 101.
18. Istiadat Penghulu2 mengadap.	... 109.
19. Perjanjian di-Antara Yang di-Pertuan Besar Seri Menanti dengan Undang Yang Empat	... 119.
20. His Hinghness Tuanku Menawir	... 121.
21. Hak Raja dan pantang larang-nya	... 125.



Penyusun dan pengarang buku ini mengucapkan sa-tinggi2 tahniah dan daulat dergahayu ka-pada D.Y.M.M. Tuanku Munawir, D.M.N., S.P.M.B., dan Tuanku Ampuan Durah menaikki takhta singgahsana Kerajaan Negeri Sembilan.

Mudah-mudahan Tuhan lanjutkan usia zaman Baginda sehat walafiat memerentah dengan adil dan seksama yang akan memberikan kebahagiaan dan kemaamoran kepada raayat dan negara.

Achapan Bertabalan Duli D.M.M.

Yang di-Pertuan Besar Tuanku
Munawir S. M. N., S. P. M. B.

dan

Tuanku Ampuan N. Sembilan

dari:



GUTHRIE & COMPANY
LIMITED,



SEREMBAN, N. S.

SEKAPOR SIREH.

Alhamdulillah-lah dengan inayah Tuhan yang maha kuasa, maka dapat-lah saya menyusun buku yang kecil ini untuk dipersembahkan kapangkuan saudara2 terutama dan istimewa kapada mereka yang menchintai sejarah tanah ayer-nya. Saya mengaku dengan sa-sungguh-nya ada-lah buku yang di-beri nama "Takhta Kerajaan Negeri Sembilan" ini ada-lah sa-buah buku yang sama sekali belum lengkap dan saya sendiri merasa belum puas hati di-atas-nya, baik isi-nya begitu jua susunan yang mengenai teknik dan jua penggal2 yang terkandung di-dalam-nya, insha-Allah sa-kira-nya buku ini mendapat sambutan dari penggemar-nya akan di-usahakan dengan sa-baik-nya2 bila perchetakan yang kedua kali-nya nanti.

Selain dari bertujuan hendak menuliskan chatetan2 sejarah yang selama ini bermain dari mulut ka-mulut orang tua2 sahaja, maka saya persembahkan buku ini kapada keturunan kita akan datang sekurang-nya sebagai bahan penyiasat bagi mereka untuk menyelami lagi sedalam-nya2 lubok sejarah kampong halaman dan tanah ayer-nya yang selama ini ada-lah di-tuliskan orang2 yang bukan-nya ra'rat negeri ini.

Buku ini telah saya karang dan susunkan sa-telah mendapat bahan2 dari beberapa segi, ia-itu dari perchakapan mulut ka-mulut orang tua2, keterangan2 yang di-beri dari mereka yang maseh ingat dan lagi dari buku chatatan istana yang maseh ada tersimpan dengan baik-nya. Apa yang menarek hati dari beberapa perkara yang saya anggap penting, ia-lah tulisan perjanjian2 yang di-buat dalam kurun yang ka-sembelan belas, ketika mana belum ada sa-buah sekolah pun terdiri dalam negeri ini, menilik dari jalan bahasa yang di-karang oleh orang tua2 zaman itu sa-sungguh-nya mengkagumkan kita jika di-bandingkan dan di-nilai dari pelajaran dan keadaan zaman-nya, akan tidak kena-lah pada tempat-nya dan bagi mereka yang tidak menghargai usaha sa-saorang sahaja-lah yang akan menganggap sepi akan kebijaksanaan orang tua2 dahulu dalam karang mengarang dan surat menyurat dalam bahasa-nya.

Tidak lupa saya menguchapkan berbanyak2 terima kaseh kapada Y. T. M. Tengku Besar Burhanudin dan Y. B. Dato' Penghulu Dagang Adam bin Yusoff Orang Empat Istana yang telah memberikan beberapa bahan yang berguna untok saya menyusunkan buku ini, begitu juga kapada yang berkenaan di-Istana Besar Seri Menanti yang telah menolong saya memberikan beberapa kemudahan untok mendapatkan beberapa bahan yang mustahak. Kapada sidang pembacha yang mulia, saya mendahului menghulorkan tangan meminta maaf di-atas beberapa kesilapan yang akan tuan2 temui dalam masa membacha nanti, anggap-lah kesalahan2 yang di-temui itu sebagai satu kesilapan yang tidak di-sengajakan dan berlaku sechara kebetulan jua.

Seri Menanti,
Negeri Sembilan,
1 hb. April, 1961.

Salam hormat dan taazim dari saya.
Abdul Samad Idris.





Duli Y.M.M. Tuanku Munawir S.M.N., S.P.M.B.
Gambar 1959.

RIWAYAT RENGKAS ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN.

Saya telah berchadang dan sudah pun mengumpulkan beberapa bahan riwayat Almarhum Tuanku Abdul Rahman Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan juga sebagai Yang di-Pertuan Agong yang pertama bagi Negara Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka. Baginda semasa hayat-nya telah pun memberikan keidzinaan-nya kapada saya bagi mengumpulkan sejarah hidup-nya untok di-jadikan sa-buah buku.

Chita2 saya itu tidak dapat di-teruskan oleh kerana kemangkatan Baginda dan telah keudzoran beberapa lama, saya telah berchadang hendak menerbitkan-nya ketika menyambut Jubilee perak-nya yang telah di-tetapkan akan di-adakan pada penghujong tahun 1959 yang lalu, usaha saya kearah ini insha-Allah akan saya teruskan salepas sahaja saya menyiapkan penyusunan buku ini.

Di-bawah ini ada-lah di-perturunkan sechara rengkas sahaja riwayat Baginda semenjak di-puterakan hingga kemangkatan-nya pada 1 heribulan April 1960 yang lalu:—

Sembilan belas tahun sabelum Y.M. Mulia menaikki singgahsana takhta Kerajaan Negeri Sembilan baginda ada-lah menjadi Pegawai Melayu dalam pentadbiran Kerajaan Negeri2 Melayu yang bersekutu, baginda mula2 memegang jawatan sebagai Pegawai Melayu di-Federal Secritariat Kuala Lumpur pada tahun 1914.

Semenjak tarikh tersebut Baginda terus menerus berkhidmat dalam jawatan Kerajaan di-Negeri Sembilan, Selangor dan Perak hingga baginda naik takhta pada tahun 1933.

Di-puterakan pada 24 haribulan August 1895, mengambil pelajaran permulaan di-sekolah Melayu Kuala Jempol, Negeri Sembilan, satelah itu lalu meneruskan pelajaran-nya di-Malay College Kuala Kangsar, Perak dari tahun 1907 hingga tahun 1914.



*Almarhum D. Y. M. M.
Tuanku Abdul Rahman
Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan
Gumbar 1939.*


GAMBAR D.Y.M.M. DALAM KENANGAN.



1938.



1960.



1940.



1937.

Satelah tamat pelajaran-nya Baginda terus memegang jawatan kerajaan, selama setahun bekerja di-Federal Secretariat Kuala Lumpur lalu bertukar ka-Seremban pada 20 November 1915 menjadi Penolong Pegawai memungut hasil Tanah, pada tahun 1916 di-lantek menjadi Pegawai dalam pasukan Malayan Volunteer Infantry Seremban dengan berpangkat Second Lieutenant. Pada tahun 1918 di-naikkan pangkat-nya kepada Lieutenant.

Pada 22 haribulan August 1921 Baginda telah di-lantek menjadi Pegawai Pentadbir Melayu (Malay Administrative Service) di-Daerah Kelang, kemudian terus di-angkat menjadi Pemangku penolong Pegawai Melayu di-Daerah itu juga.

Pada 26 haribulan October 1922 Baginda bertukar ka-Daerah Ulu Selangor menjadi pemangku penolong Pegawai Daerah, kemudian menjadi Timbalan pemangku Pegawai Daerah pada 1 haribulan June 1923.

Mulai 12 haribulan January 1925 baginda memegang jawatan di-Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, kemudian pada 2 haribulan March 1925 bertukar pula ka-Daerah Sepang menjadi pemangku penolong Pegawai Daerah itu.

Sa-telah itu pada 5 haribulan May 1925 berangkat ka-England mengiring Ayahanda-nya dan terus belajar di-Inner Temple (Sekolah undang2) Baginda tamat belajar di-sekolah tersebut pada 19 November 1928 dan berangkat balek ka-Malaya pada 28 December 1928.

Sekembali-nya ka-tanah ayer Baginda di-angkat menjadi Penolong Pegawai Daerah (II) di-Daerah Tapah Perak pada 23 January 1923, dari sini bertukar pula ka-Daerah Gopeng dan Kampar. Pada 21 February 1930 bertukar pula ka-Kuala Lumpur menjadi pengadil Mahkamah II dalam kelas IV.

Pada 30 haribulan April 1931 Baginda di-lantek menjadi pemangku penyimpan record2 di-Mahkamah Ipoh dalam kelas III, kemudian mulai dari 8 haribulan December 1931 hingga 28

February 1932 berchuti panjang dengan bergaji penuh.

Sa-telah berkhdimat semula pada 29 February 1932 lalu balek memegang jawatan pengadil Mahkamah tambahan Kuala Lumpur, kemudian di-lantek menjadi pemangku Pegawai Daerah Kuala Langat dalam kelas IV, pada bulan June 1933 bertukar ka-Daerah Batang Padang Perak menjadi pemangku Pegawai Daerah, kemudian pada 3 haribulan August Baginda naik takhta Kerajaan Negeri Sembilan. Pada 25 April 1934 Baginda di-anugerahkan bintang kebesaran K.C.M.G. oleh baginda King George V.

Dalam masa Baginda naik takhta telah empat kali baginda berangkat ka-England ia-itu:—

1. Pada 11 July 1934 kerana kegeringan.
2. Pada 9 April 1937 kerana menghadziri hari kemahkotaan Baginda King George ka-VI dan Queen Elizabeth.
3. Dalam tahun 1951 kerana beraleh angin dan berehat.
4. Pada tahun 1954 berangkat kerana kegeringan.

Baginda telah di-anugerahkan bintang G. C. M. G. pada tahun 1957 dan tidak lama kemudian pada 3 haribulan August 1957 Baginda telah di-pileh menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaya yang pertama oleh Raja2 Melayu. Baginda telah mangkat pada 1 haribulan April 1960.


Baginda telah beristeri empat orang dan beroleh Putera seramai tiga orang dan puteri2 lima orang, selasilah keturunan Baginda ada-lah saperti berikut:—

T. A. Rahman X T. Maharun


T. Munawir (29.3.1922)

Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan
sekarang.

T. A. Rahman X Enche' Maimunah



T. A. Rahman X T. Khursiah



T. A. Rahman X T. Zaidah

T. Zakiah 6.12.1950.

YANG MAHA MULIA TUANKU MUNAWIR.

Pada 29 March 1961 akan datang, maka genap-lah usia duli Yang Maha Mulia Tuanku Munawir Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman 39 tahun dan kurang enam hari-lah genap setahun Baginda mendudokki takhta Kerajaan Negeri Sembilan yang telah di-istiharkan oleh Dato' Kelana Putera sebagai wakil Dato'2 Undang Yang Empat Negeri Sembilan menjadi Raja pada 5 haribulan April 1959.

Pada hari itu-lah satu detik sejarah yang maha penting bagi Tuanku Munawir dalam mengharungi lautan sejarah-nya yang bergelombang hebat dan berliku2 sepanjang usia-nya, sa-belum baginda di-istiharkan dan sa-belum jenazah almarhum ayahanda-nya di-makamkan pada petang 5 April itu, balai penghadapan telah penuh sesak oleh putera2 dan puteri serta orang2 besar negeri untok mendengar peristiharan lantekan raja yang baharu bagi menggantikan almarhum Tuanku Abdul Rahman.

Tidak saperti negeri2 lain di-Tanah Melayu yang beraja, masing2 telah sedia mempunyai Raja Muda-nya atau bakal raja-

nya, tetapi di-Negeri Sembilan tidak begitu keadaan-nya, pengganti Raja di-Negeri Sembilan ada-lah di-pilih oleh Undang Yang Empat menurut susunan perlembagaan atau Undang2 Tuboh Kerajaan Negeri Sembilan, susunan pertama yang harus di-pilih ada-lah terdiri dari putera Yamtuan yang mangkat.

Meskipun Tengku Munawir putera yang tertua dari Yamtuan yang mangkat tetapi tidak pula di-sebutkan dalam perlembagaan itu pengganti-nya mesti dari putera yang tua, melainkan di-sebutkan putera sahaja, yang demikian putera Yamtuan yang mangkat ada-lah terdiri tiga orang, ia-itu selain dari Tengku Munawir ada-lah juga Tengku Jaafar dan Tengku Abdullah semua-nya mempunyai hak yang sama untok di-pilih.

Selain dari Undang yang Empat, tidak ada sa-orang pun ra'ayat Negeri Sembilan yang mengetahui-nya siapa-kah bakal raja mereka di-saat itu, ketika balai penghadapan penuh sesak masing2 pandang memandang di-antara satu sama lain maka kedengaran-lah Dato' Bentara Dalam menyeru Dato' Kelana sebagai mewakili Undang Yang Empat untok mengitiharakan pengganti Raja, di-saat ini-lah suasana di-balai penghadapan yang penuh sesak itu sunyi senyap sebagai tidak berorang layak-nya.

Dato' Kelana berdiri dari kerusi-nya mara kahadapan dengan langkah yang teratur, di-tengkat ketiga singgahsana itu telah sedia sa-buah alat pembesar suara, Dato' Kelana pun mengeluarkan sakeping kertas lalu membacha-nya dengan suara yang perlahan2 dan lambat, "Ada-lah kami Undang Yang Empat mengikut peraturan negeri ini telah berkebulatan dan berkerapatan melantek Yang Amat Mulia Tengku Laksamana Munawir Ibnu Almarhum Tuanku Abdul Rahman naik takhta singgahasana Kerajaan menjadi Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan menggantikan Seri Paduka Almarhum Tuanku Abdul Rahman yang telah mangkat pada hari Jumaat 1 April 1960 itu" sebaik2 tamat sahaja Dato' Kelana membachakan peristiwa itu, maka bergemalah dewan balai tersebut dengan "Daulat Tuanku" tiga kali.

Sa-lepas itu Tengku Munawir pun di-persilakan naik ka-atas singgahsana dan Dato' Bentara pun mempersembahkan sapuchok surat lalu di-buka dan di-bacha-nya dan itu-lah surat penting yang pertama di-bacha oleh sa-orang Raja yang baharu di-lantek, surat itu demikian bunyi-nya:—

“Tidak-lah dapat kami lapadzkan betapa sedih, pilu dan mashghol serta dukachita-nya kami pada saat ini di-atas kemangkatan almarhum duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Ayahanda kami Tuanku Abdul Rahman Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.

2. Almarhum telah memerintah selama 27 tahun dengan penuh kebijaksanaan adil dan limpah kemurahan-nya, nyata-lah kapada kami betapa maamor sejahtera aman dan maju-nya negeri ini dalam usia zaman pemerentahan-nya sahingga Baginda di-angkat mênjadi Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu Merdeka.

3. Pada hari ini kami telah di-angkat menjadi Raja Negeri Sembilan dan telah sedia maalom pada kami betapa besar dan berat-nya pikulan tanggungjawab yang akan kami hadapi, perchaya-lah kami yang keadilan almarhum itu tiada-lah upaya kami menurut dengan salengkap-nya tetapi yakin-lah Yang Mulia Dato'2 Undang, anak2 raja Yang Berhormat Dato' Menteri Besar serta penasehat2 sakelian-nya, bahwa kami dengan sedaya upaya-nya akan menjalankan keadilan, keamanan, kemaamoran dan keselamatan sekalian ra'ayat jelata dan mereka yang dudok di-seluroh alam Negeri Sembilan ini.

4. Perchaya-lah, bahwa kami akan sentiasa menghormati akan susunan dan aturan adat istiadat yang di-ucha di-pakai dalam negeri ini dan juga undang2 tuboh kerajaan Negeri Sembilan”.

PEMURAH DAN TIDAK MEMANDANG TARAF.

Semenjak dari kechil lagi, Tengku Munawir ada-lah sa-orang putera raja yang amat pemurah, baik hati dan amat ber-

timbangrasa, dalam pergaulan ia tidak menadang taraf atau kedudukan sa-seorang itu pada mata masharakat, melainkan sama sahaja pada-nya, sama ada merekaitu datang dari istana atau dari sa-orang anak kampong yang miskin satu-nya2 sifat mulia dan terpuji yang ada pada sa-orang putera yang pada hari ini telah menaikki singgahana takhta kerajaan Negeri Sembilan, kerana itu tidak-lah menghairankan kalau ra'ayat menyambut-nya dengan perasaan kaseh sayang kapada-nya.

Tengku Munawir telah masok belajar di-Sekolah Melayu Seri Menanti pada tahun 1928 hingga tahun 1933 dan menyambungkan pelajaran-nya ka-Malay Kolej Kuala Kangsar hingga tahun 1936, kemudian ia meneruskan pelajaran-nya di-Sekolah Inggeris King George Kelima Seremban, ketika dalam sekolah T. Munawir ada-lah sa-orang murid yang pandai bermain bola, cricket dan hockey.

Pada 6 haribulan July 1934 T. Munawir telah di-angkat oleh Seri Paduka Ayahanda-nya menjadi Tengku Muda Serting, ia-itu jawatan putera Yang Empat yang pada masa itu di-pegang oleh Tuanku Abdul Rahman yang telah menaikki takhta kerajaan.

Dalam tahun 1936 mengiring Yang di-Pertuan Besar melawat Siam selama saminggu dan pada 1 haribulan January 1940 T. Munawir telah berkahwin dengan T. Durah putri Tengku Besar.

Beberapa ketika sabelum pechah perang dunia yang kedua T. Munawir telah berhidmat dengan pasokkan Volunteer Negeri2 Melayu yang bersekutu.

Dalam masa pendudokkan Jepon T. Munawir ada-lah hidup sebagai biasa, sebagai ra'ayat yang lain hidup tertindas di-bawah pentadbiran tentera Jepon.

Pada 28 haribulan August 1947 berangkat ka-United Kingdom belajar selama setahun di-School of Oriental Studies,

kemudian pada tahun 1949 di-tempatkan bekerja di-pejabat tanah Seremban.

Sebagai ra'ayat yang lain yang telah banyak menyumbangkan tenaga-nya bagi menghapuskan keadaan dzarurat dalam negeri ini, begitu juga-lah T. Munawir tidak ketinggalan dalam menyumbangkan tenaga bukti-nya, dalam bulan April 1952 ia pun masok berkhidmat dalam pasokkan Home Guard sebagai sa-orang pegawai yang berpangkat Captain, ia telah di-tempatkan di-daerah Kuala Pilah.

Pada 31 haribulan August 1954 bagi pertama kali-nya telah di-angkat menjadi pemangku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan ia-itu sepeninggalan Tuanku Abdul Rahman berangkat ka-England kerana berubat, pangkuan ini di-pegang-nya hingga 23 November 1954, satelah itu T. Munawir kembali memegang semula jawatan-nya dalam pasokkan Home Guard dan bertukar ka-Daerah Tampin pada 1 haribulan April 1955, dari Tampin T. Munawir kembali semula bertukar ka-Daerah Kuala Pilah pada bulan August tahun itu juga.

Pada 3 haribulan August 1957 sekali lagi T. Munawir di-angkat menjadi pemeangku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan satelah Tuanku Abdul Rahman di-lantek menjadi Yang di-Pertuan Agong yang pertama bagi Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka.

Di-anugerahkan bintang Seri Maharaja Mangku Negara (S. M. N.) pada 31 August 1958 dan menerima anugerah bintang (S. P. M. B.) dari Sultan Berunai ketika Bagitu berangkat kasana pada 23 September 1958 kerana menghadziri istiadat pembukaan Masjid Berunai yang mashor itu.

Di-ishtiharakan menjadi Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan pada 5 haribulan April 1960.



SALAH CHETAK.

MUKA SURAT	BARIS	SALAH	BETOL
1	19	di-tuliskan orang2, ra'rat	di-tuliskan oleh orang2, ra'ayat
5	2	Menananti	Menanti
5	27	selaian	selain
5	28	melaui	melalui
7	15	kterangan	keterangan
9	5	menyemnda-lah	menyemenda-lah
9	6	suka	suku
11	35	mangodap	mengadap
12	20	mengurniakan	mengurniakan
16	29	Dtao'	Dato'
17	9	hama	nama
19	29	duli Maha Mulie	Duli Yang Maha Mulia
19	35	benar-nya belaka-kah	benar-nya saudara belaka-kah
20	10	thu	tahu
20	14	kemudaian	kamudian
20	15	sebilan	sembilan
21	28	kapeda Orong	kapada Orang
21	31	iateri	isteri
25	21	dalama	dalam
26	16	sebab	Sebab
26	34	Naing	Naning
29	12	puetra	putra
31	8	berumpr	berumor
32	salasilah	T. Ulin	T. Alin
32	27	mennati	menanti
34	9	Mennati	Menanti
36	17	Ibn	Ibni
44	16	kerjaan	kerajaan
44	22	Mohhamad	Muhammad
46	18	tabdir	tadbir
46	22	Superntendent	Superintendent
51	6	beleh	boleh
51	13	gaku--yang	tinggalkan sahaja
57	8	Johal	Johol
57	22	berialan-lah	berjalan-lah
65	1	Muammad	Muhammad
65	12	bersamman	bersamaan
65	23	Muahammad	Muhammad
70	27	mengubtai-nya	mengubati-nya
70	27	nbatan2	ubatan2
70	35	Yang Maha oleh	Yang Maha Mulia oleh
70	36	kut	kuat
76	17	heribulan	haribulan
81	10	bergelombng	bergelombang
82	18	mengitiharakan	mengistiharkan

MUKA SURAT	BARIS	SALAH	BETOL
84	1	menadang	memandang
85	20	pemeangku	pemangku
85	26	Bagitu	Baginda
85	29	di-ishtiharakan	di-ishtiharkan
86	24	pda	pada
91	27	menurunkan	menurunkan
91	27	Dtao'	Dato'
100	31	linggi	Linggi
103	19	Undang yang pada	Undang yang Empat pada
109	29	Yang Mulia	Yang Maha Mulia
110	19	Pahawan	Pahlawan
115	3	msutahak	mustahak
115	24	seceretary	secritary
116	26	perturan	peratoran
116	26	istiada	istiadat
120	1	mehanti	menanti
122	24	Undong	Undang